

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

SOALAN A1 (10 MARKAH)

ARAHAN: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat sepuluh patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

Ruang udara Singapura kembali diselubungi jerebu, dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencapai paras tidak sihat iaitu 155 malam kelmarin. Tahap IPU itu adalah tahap (1) tinggi yang pernah dialami Singapura sejak 16 tahun dahulu. Ia sudah menjadi fenomena (2) tahun yang biasanya berpunca daripada kebakaran hutan di Indonesia. Keadaan cuaca kering dalam musim monsun sekarang (3) buruk keadaan berjerebu, sekali gus menjejaskan sektor (4) lancong dan kesihatan penduduk rantau ini.

Sudah tiba masanya isu ini (5) tangan dengan cara yang lebih berkesan dan menyeluruh kerana rantau ini tidak mampu melihat berulangnya krisis jerebu yang melanda pada tahun 1997-1998. Krisis yang menjejaskan perjalanan udara dan kegiatan perniagaan itu menyebabkan kerugian yang dianggarkan bernilai \$11.3 bilion di rantau Asia Tenggara.

SOALAN A2 (5 MARKAH)

ARAHAN: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi menggantikan tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- A tukang tidak membuang kayu
- B belum duduk berlunjur dahulu
- C seperti embun di hujung rumput
- D bertelingkah bagai antan di lesung
- E seperti orang buta kehilangan tongkat
- F sedencing bagai besi, seciap bagai ayam
- G jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- H kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap
- I cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
- J belayar bernakhoda, berjalan dengan yang tahu, berkata dengan yang pandai

Cikgu Siti mengusulkan Saifullizan untuk mengetuai projek menghias bilik darjah sempena Hari Keharmonian Kaum kerana Cikgu Siti tahu (6) dialah orang yang paling ahli dan layak untuk menjayakan projek itu. Selepas mendapat kata sepakat daripada murid-murid sekelas, Saifullizan tidak berlengah-lengah dalam membuat perancangan untuk mengagihkan kerja. Saifullizan memang (7) seorang yang cerdik, dia sayang dan percaya setiap orang mempunyai kebolehan tersendiri dalam pelaksanaan projek tersebut. Rakan-rakan sekelasnya sangat senang hati menerima pengagihan tugas daripada Saifullizan kerana (8) mereka masing-masing mempunyai kekuatan dan kemahiran tersendiri untuk disumbangkan dalam kerja-kerja itu. Tanpa banyak pertikaian, mereka (9) berusaha mengerjakan projek itu bersama-sama. Akhirnya, projek menghias bilik darjah mereka berjaya diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Bukan itu sahaja, dengan usaha sama semua murid-murid, kelas mereka telah memenangi peraduan menghias bilik darjah antara kelas. Menyusuli kejayaan itu, Saiful sangat dihormati dan disegani oleh semua anggota kelasnya. Cikgu Siti juga bangga dengan kebolehan dan kebolehan kepimpinan anak muridnya itu. Namun, Saifullizan (10) tetap bersikap rendah diri dan tidak sombong dengan rakan-rakannya. Dia berpendapat bahawa kejayaan itu adalah kejayaan yang dicapai atas kerjasama mereka.

SOALAN A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

daripada	kesan	faktor
meruncing	menurut	pada
berdasarkan	dari	

Mutakhir ini, obesiti menjadi masalah utama dalam kalangan kanak-kanak di dunia. Menurut laporan *National Center for Health Statistic* pada 2002, kira-kira 15 peratus kanak-kanak dan remaja di Amerika Syarikat mengalami obesiti. (11) _____ Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), masalah obesiti semakin (12) _____ dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di negara membangun. Masalah obesiti merupakan (13) _____ utama yang mengakibatkan sindrom metabolik yang banyak dihadapi penduduk di Asia. WHO menganggarkan bahawa (14) _____ tahun 2015, lebih kurang 2.3 bilion orang penduduk di dunia mempunyai masalah berat badan yang terlebih dan (15) _____ jumlah tersebut, kira-kira 700 juta orang akan mengalami masalah obesiti. Semestinya golongan dewasa yang menghadapi masalah obesiti mencari alternatif terbaik untuk mengurangkan berat badan. Bagi kanak-kanak pula, masalah obesiti mereka seringkali diambil ringan oleh ibu bapa mereka.

Rencana ini dipetik dan diubah suai daripada *Dewan Masyarakat*, Oktober 2010

BAHAGIAN B (10 MARKAH)

Petikan 1

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Penderitaan yang dialami pesakit gout mengakibatkan mereka sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk menghindari penyakit tersebut.

Jari tangan tidak boleh bergerak kerana tersalah makan & kaki tiba-tiba membengkak sehinggakan ingin memijak lantai pun terasa seolah-olah memijak atas timbunan jarum yang menegak. Inilah sebahagian simptom yang dialami mereka yang menghidap penyakit gout.



Bagi individu yang mempunyai masalah gout, mereka disarankan untuk mendisiplinkan diri dengan **menghindari** makanan yang kaya protein, seperti bijirin, makanan laut, ikan bilis, minuman keras, kicap, teh, & kopi.

Pastinya mereka yang mempunyai penyakit ini terpaksa merana akibat kesakitan yang teramat sangat pada sendi anggota badan.



Penyakit gout mula dikenal pasti lebih 2000 tahun lalu. Ketika itu, banyak pihak menggelar penyakit ini sebagai "penyakit orang kaya" kerana dikaitkan dengan pengambilan makanan & minuman berkhasiat yang hanya mampu dinikmati golongan tersebut.

Penyakit ini membabitkan:

- serangan serta-merta yang bukan sahaja menyebabkan kesakitan, tetapi turut mengakibatkan bengkak & rasa panas di sendi
- jari kaki yang besar tetapi turut memberikan kesan di tumit, lutut, tapak kaki, buku lali & jari kaki



Rencana ini dipetik dan diubah suai daripada *Dewan Masyarakat*, Februari 2013

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 16 Antara gejala penyakit gout ialah _____.
- A rasa panas di otot-otot dan sendi
 - B pengambilan makanan seperti ikan bilis, makanan laut, bijiran, & kicap
 - C orang yang diserang penyakit ini sanggup melakukan apa sahaja untuk mengubatnya
 - D kaki tiba-tiba membengkak sehinggakan ingin memijak lantai pun terasa seolah-olah memijak atas timbunan jarum yang menegak
- 17 Penyakit gout dikatakan penyakit 'orang kaya' kerana _____.
- A orang kaya mampu untuk mengubati penyakit itu
 - B penyakit ini telah dikenal pasti lebih dua ribu tahun lalu
 - C boleh menyebabkan kesakitan yang teramat sangat pada sendi anggota badan.
 - D orang berada dahulu sahaja yang mampu mengamalkan pemakanan yang berprotein tinggi
- 18 'menghindari' membawa maksud _____.
- A menghadang
 - B menjarakkan
 - C mengelakkan
 - D menyingkirkan

Petikan 2

“Saya sanggup menghabiskan puluhan ribu ringgit demi memberikan apa-apa saja bantuan,” jelas Nur Zaharah Alias, 18 tahun. Kesal dan rasa terkilan tidak pernah sesekali wujud dalam jiwa anak muda itu, demi membantu mereka yang memerlukan pertolongan. Waktu cuti sekolahnya dihabiskan mengajar anak-anak yatim di rumah tumpangan. Dia juga menghubungi syarikat-syarikat yang sudi menghulurkan bantuan kewangan dan makanan kepada badan-badan kebajikan.



Bagi aktivis belia dan sukarelawan ini, hidup tidak bermakna jika tidak membantu dan meringankan beban orang lain. Ibarat lilin yang sanggup dibiarkan diri terbakar demi menerangi orang lain, begitu jugalah falsafah hidup Zaharah.

Minat menceburkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan ini mula timbul sejak di bangku sekolah lagi. Malah, bapanya yang juga pencinta kepada aktiviti kemasyarakatan sering kali membawanya bersama-sama menghadirkan diri dalam program kemasyarakatan.

Mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi; itu peribahasa yang sesuai untuknya, Zaharah sanggup melepaskan jawatan tinggi sebagai penjawat awam demi merealisasikan impian dan cita-citanya untuk membantu golongan yang memerlukan.

“Saya menggunakan wang sendiri untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan. Lantaran itu, saya menjalankan perniagaan berbentuk kewangan dan latihan untuk menampung kos bagi membantu mereka yang tidak bernasib baik,” jelas Zaharah.



Malangnya, tidak banyak “wira muda” seperti Zaharah atau lebih tepat belia sepertinya yang mahu menghulurkan tangan dan meringankan beban mereka yang memerlukan bantuan. Apakah punca yang menyebabkan golongan belia kurang berminat menyertai aktiviti kesukarelawanan ini?

Rencana ini dipetik dan diubah suai daripada Dewan Masyarakat, Mei 2012

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman 6, jawab soalan-soalan yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

19. Bapa Zaharah telah berjaya _____.

- A mengajaknya menghadiri program kemasyarakatan
- B memupuk nilai tanggungjawab terhadap orang lain dalam dirinya
- C meyakinkan Zaharah untuk melepaskan jawatan tinggi untuk menjadi sukarelawan
- D merealisasikan impian dan cita-citanya untuk membantu golongan yang memerlukan

20. Usaha murni yang boleh dilakukan oleh Zaharah ialah _____.

- A beriadah bersama anak-anak yang tidak beribu bapa
- B mengajak golongan belia untuk turut serta menjadi sukarelawan sepertinya
- C menggunakan wangnya sendiri untuk menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan
- D menjalankan perniagaan dan latihan untuk menampung kos bagi membantu mereka yang tidak bernasib baik

BAHAGIAN C (30 MARKAH)

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Fikir abah, barangkali nenek tidak suka warna hijau yang dibelinya dahulu, dan yang terbaharu abah pilih warna biru laut pula. Mana tahu kali ini nenek berkenan dan akan membentangkannya pada hari raya nanti. Raya ini abah tetap mahu nenek menghamparkan permaidani baharu ini menggantikan tikar mengkuang nenek. Kata abah, tikar mengkuang sudah tidak sesuai lagi pada zaman ini. Sudah ketinggalan zaman. 5

Tikar mengkuang nenek sudah menjadi pertikaian dalam keluarga kami. Setiap kali tetamu datang, tikar mengkuang itulah yang dibentangkan nenek. Setiap kali kami sekeluarga datang bertandang, abah pasti berang melihat nenek membentangkan tikar mengkuang. Kata abah, tikar itu sudah usang, patut dibuang. Nenek membantah. Ujar nenek, usah dibuang tikar mengkuang. Biar pun buruk, nenek amat sayang akan tikar itu. Kata nenek, tikar itu peninggalan moyang. 10 Jasanya sudah terbilang.

“Tikar itu tidak menyusahkan sesiapa pun. Malah, tikar itulah yang telah banyak **menyambut** tamu. Banyak berbakti. Walaupun sudah buruk dimamah masa, ia tetap masih boleh digunakan. Sayang kalau hendak dibuang,” kata nenek seraya menyapu anjung rumah dengan penyapu lidi. 15

Abah tidak senang apabila nenek membentangkan tikar mengkuang menyambut tetamu datang. Perbuatan nenek memalukan abah, statusnya sebagai hakim daerah perlu dijaga.

“Tikar itu sudah tua sangat. Sudah tercahik-cahik daun mengkuangnya. Baju tetamu yang duduk pun pasti bersanggit dengan tikar ini. Rosaklah baju mereka. Bukankah permaidani baru itu lebih selesa untuk tetamu duduk, mak? Sedap mata memandangi lagi. Buang sahajalah tikar yang tidak guna itu,” ayah meleteri nenek. 20

Terkedu nenek mendengar kata-kata anaknya yang tidak mengendahkannya. Nenek masih berdegil. Kata nenek, ayah tidak perlu **gusar**, tikar mengkuang itu dibentangkan di rumah nenek, bukan di rumah abah. Nenek bebas berbuat apa-apa sahaja di rumahnya. Sebab itu nenek enggan tinggal bersama-sama abah di rumah banglo besar dua tingkat. Nenek lebih senang 25 duduk seorang diri di rumah papannya di pinggir bendang. Semenjak datuk meninggal, rumah itulah menjadi kediaman nenek berseorangan. Di situ nenek berasa aman dan tenteram. Makan dan tempat tidur diuruskannya sendiri. Tiada siapa yang disusahkannya, mahupun menyusahkannya. Ada nada kecil hati dalam kata-kata nenek. Mungkin nenek kecewa dengan sikap abah itu.

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan yang diberikan. Kemudian tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

21 Mengapakah abah membeli dua permaidani yang berwarna hijau dan biru?

(3 markah)

22 Nyatakan **dua** perkara yang membuatkan tikar mengkuang istimewa untuk nenek. (3 markah)

23 Abah seorang yang mementingkan diri sendiri. Berikan **dua** bukti untuk menyokong pernyataan ini. (5 markah)

24 Berikan **dua** sifat positif yang nenek miliki. Nyatakan contoh-contoh daripada petikan untuk menyokong jawapan kamu. (5 markah)

25 Berikan **dua** pengajaran yang boleh kamu dapati daripada petikan ini. Jelaskan. (5 markah)

26 Pada pendapat kamu, wajarkah nenek berasa kecewa dengan sikap abah? Sokong pendapat kamu dengan sebab-sebab daripada petikan. (5 markah)

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 28**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27 menyambut (baris 13) (2 markah)

28 gusar (baris 23) (2 markah)

SEMOGA BERJAYA

**SKEMA JAWAPAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN MENDAKI
MENENGAH 4 NORMAL AKADEMIK**

No.	KOMPONEN	MARKAH
	BAHAGIAN A: A1: IMBUHAN (Soalan 1 – 5)	10 Markah
1.	tertinggi	2 m
2.	tahunan	2 m
3.	memburukkan	2 m
4.	pelancongan	2 m
5.	ditangani	2 m
	BAHAGIAN A: A2: PERIBAHASA (Soalan 6 – 10)	5 Markah
6.	J	1 m
7.	A	1 m
8.	H	1 m
9.	F	1 m
10.	G	1 m
	A3: MELENGKAPKAN TEKS (Soalan 11 – 15)	5 Markah
11.	<u>Menurut</u>	1 m
12.	<u>meruncing</u>	1 m
13.	<u>faktor</u>	1 m
14.	<u>pada</u>	1 m
15.	<u>daripada</u>	1 m
	BAHAGIAN B: PEMAHAMAN OBJEKTIF (Soalan 16 – 21)	10 Markah
16.	D	2 m
17.	D	2 m
18.	C	2 m
19.	B	2 m
20.	B	2 m
	BAHAGIAN C: PEMAHAMAN SUBJEKTIF (Soalan 21 – 31)	30 Markah
21.	Mengapakah abah membeli dua permaidani yang berwarna hijau dan biru? - Abah menyangka nenek tidak suka warna hijau, maka itu	3 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	<p>dibeli pula permaidani warna biru laut</p> <ul style="list-style-type: none"> - Abah harapkan kali ini nenek berkenan dengan permaidani yang baharu dan akan membentangkannya 	
22.	<p>Nyatakan dua perkara yang membuatkan tikar mengkuang istimewa untuk nenek.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Peninggalan moyang - Sudah banyak berjasa menyambut tetamu 	3 m
23.	<p>Abah seorang yang mementingkan diri sendiri. Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lebih mementingkan statusnya sebagai hakim daerah dan berasa penggunaan tikar itu akan memalukannya - Tidak menghiraukan perasaan nenek yang sayang akan tikar mengkuang itu sewaktu meleterinya nenek. <p>Jawapan lain yang munasabah juga boleh diterima.</p>	5 m
24.	<p>Berikan dua sifat positif yang nenek miliki. Nyatakan contoh-contoh daripada petikan untuk menyokong jawapan kamu</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai perasaan sayang kepada barang lama / Menghargai barang lama: Walaupun tikar itu sudah lama dan tercarik-carik, dia tetap ingin menggunakan tikar itu. - Menghargai jasa barangan lama: nenek sedar bahawa tikar peninggalan moyang itu sudah banyak berjasa kepadanya dan dia enggan membuangnya - Berdikari: Dia tinggal bersendirian di rumahnya dan menguruskan segala keperluannya sendiri tanpa memerlukan bantuan daripada sesiapa. <p>Mana-mana dua jawapan boleh diterima. Jawapan lain yang munasabah juga boleh diterima.</p>	5 m
25.	<p>Berikan dua pengajaran yang boleh kamu dapati daripada cerita ini. Jelaskan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Harus menjaga hati ibu bapa kerana mereka mudah tersentuh/berkecil hati. <p>Bukti: Nenek berasa tersinggung dengan kata-kata abah walaupun abah cuba menyampaikan sesuatu yang benar mengenai tikar itu – iaitu tikar itu sudah bercarik-carik dan mungkin akan bersanggut dengan baju tamu. Sepatutnya abah lebih beralas sewaktu berbicara dengan nenek tentang tikar itu dan menggunakan nada yang lebih lembut agar tidak mengecilkan hati nenek.</p>	5 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	<ul style="list-style-type: none"> - Harus menghormati kehendak / keinginan ibu bapa walaupun ia mungkin bercanggah / tidak sama dengan apa yang seorang anak inginkan. <p>Bukti: Abah harus menghormati kehendak nenek untuk terus menggunakan tikar mengkuang itu walaupun abah sebenarnya malu akan tikar itu dan ingin nenek membuangnya. Dengan menjaga hati ibu bapa, kita dapat memelihara hubungan antara anak dan ibu bapa.</p> <p>Jawapan lain yang munasabah juga boleh diterima.</p>	
26.	<p>Pada pendapat kamu, wajarkah nenek berasa kecewa dengan sikap abah? Sokong pendapat kamu dengan sebab-sebab daripada petikan.</p> <p>Wajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sebagai seorang anak, abah sepatutnya melayani nenek dengan lebih baik. Dia tidak sepatutnya meleteri nenek dan sepatutnya menggunakan nada yang lebih lembut untuk meyakinkan nenek supaya menggunakan permaidani itu. - Sekiranya nenek ingin menyimpan dan menggunakan tikar mengkuang itu, abah harus biarkan sahaja nenek menggunakannya kerana itu adalah rumah nenek dan dia mempunyai hak / kebebasan untuk menentukan apa yang ingin dia lakukan di rumahnya sendiri. <p>Tidak wajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memang benar kata abah bahawa tikar itu sudah usang. Baju tetamu akan rosak sekiranya bersanggit dengan tikar yang sudah bercarik-carik itu. - Ayah mempunyai niat yang baik untuk menggantikan tikar tua itu dengan permaidani agar lebih selesa untuk tetamu duduk. <p>Jawapan lain yang munasabah juga boleh diterima.</p>	5 m
27.	Menyambut: menerima kedatangan pelawat atau tetamu	2 m
28.	Gusar: berasa panas hati atau marah	2 m
	Markah Penuh	60 Markah